



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS STRUKTURALISME GENETIK DALAM PUISI MAHMUD DARWISH DAN TAUFIQ ISMAIL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



JUMADIL
Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS STRUKTURALISME GENETIK DALAM PUISI MAHMUD
DARWISH DAN TAUFIQ ISMAIL

JUMADIL

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



Sila tanda (□)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

√

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada: **7 Jun 2022**

i. Perakuan pelajar:

Saya, **JUMADIL NO. MATRIK: M20191000999** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **ANALISIS STRUKTURLISME GENETIK DALAM PUISI MAHMUD DARWISH DAN TAUFIQ ISMAIL** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **DR. NAZRI BIN ATOH** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **ANALISIS STRUKTURLISME GENETIK DALAM PUISIS MAHMUD DARWISH DAN TAUFIQ ISMAIL** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **SARJANA SASTRA - BAHASA ARAB.**

7 Jun 2022

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Analisis Strukturalisme Genetik Dalam Puisi Mahmud Darwish dan Taufiq Ismail

No. Matrik / Matric's No.: M2019000999

Saya / I : Jumadil

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*


☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done*

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**



(Tandatangan Pelajar/ Signature)



Dr. Nazri Bin Atoh

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Tarikh: 7 Jun 2022

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah SWT kerana dengan izin-Nya tesis ini berjaya disiapkan. Setinggi-tingginya penghargaan kepada Dr. Nazri Bin 'Atoh selaku penyelia utama atas segala motivasi, dorongan, nasihat dan bimbingan semasa saya menyempurnakan tesis ini. Pandangan, bimbingan dan tunjuk ajar serta kesabaran beliau untuk sedia berkongsi sangatlah membantu dalam proses pengerjaan thesis ini, Penghargaan dan terimakasih ini juga ditunjukkan pula buat Ayahanda Mustamin dan Ibunda Ma'ani yang selama ini tidak pernah lelah dalam berdoa dan berjuang dalam memberikan pendidikan yang layak untuk anaknya. Saya dedikasikan pengkajian ini sebagai simbol rasa cinta saya kepada mereka. Akhir kata, terimakasih juga kepada semua pihak yang telah membantu secara langsung atau tidak semasa tesis ini dijalankan. Hanya Allah yang dapat membalas jasa baik anda semua.



ABSTRAK

Puisi Mahmoud Darwish dan puisi Taufiq Ismail menggambarkan tentang patriotisme yang berhubungkait dengan kepribadian dan keadaan sosial. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti unsur dalaman dan luaran puisi Mahmoud Darwish dan Taufiq Ismail. Selain itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis persamaan dan perbezaan unsur dalaman dan luaran antara puisi Mahmoud Darwish dan Taufiq Ismail. Dalam kajian ini tiga puisi Mahmoud Darwish (*Bithoqotun Huwiyyah, Ila Ummi dan 'An Insaan*) dan tiga puisi Taufiq Ismail (*12 Mei 1998, Malu Aku Jadi Orang Indonesia dan Bayi Lahir Bulan Mei 1998*) dipilih untuk dianalisis. Kajian ini menggunakan teori Strukturalisme Genetik Lucian Goldman dengan pendekatan analisis deskriptif. Kajian mendapati bahawa unsur dalaman yang terdapat dalam puisi adalah diksi, imaji, gaya bahasa, tajuk, rasa dan amanat. Unsur luaran bagi puisi-puisi tersebut adalah kehidupan sosial pengarang. Persamaan unsur dalaman dan luaran dalam teks puisi Mahmoud Darwish dan Taufiq Ismail; iaitu tajuk, diksi (gaya bahasa) dan kedua-dua penyair mengalami peristiwa yang sama dalam hidup, iaitu kepayahan dalam memperjuangkan kebenaran. Perbezaan unsur dalaman antara kedua-dua penyair adalah Mahmoud Darwish tidak mengikuti konsep puisi tradisional Arab, satu puisi Taufiq Ismail pula mengikuti konsep puisi lama Indonesia. Kajian ini dapat membuka jalan baharu bagi kajian bandingan sastra Arab dan sastera Indonesia, juga dapat dijadikan sebagai bahan perbandingan untuk mengkaji karya sastera yang lain dengan menggunakan teori Strukturalisme Genetik.

ANALYSIS GENETIC STRUCTURALISM OF MAHMUD DARWISH AND TAUFIQ ISMAIL POEMS

ABSTRACT

The poems of Mahmoud Darwish and Taufiq Ismail were describe patriotism in relation to personality and social conditions. Therefore, this study was conducted to identify the intrinsic and extrinsic elements of the poems of Mahmoud Darwish and Taufiq Ismail. In addition, this study was conducted to analyze the similarities and differences of intrinsic and extrinsic elements between the poems of Mahmoud Darwish and Taufiq Ismail. In this study, three poems by Mahmoud Darwish (*Bithoqotun Huwiyyah, Ila Ummy dan 'An Insaan*) and three poems by Taufiq Ismail (*12 Mei 1998, Malu Aku Jadi Orang Indonesia dan Bayi Lahir Bulan Mei 1998*) has been selected for analysis. This study uses Lucian Goldman's theory of Genetic Structuralism with descriptive analysis approach. Studies have found that the intrinsic elements found in the poetry are diction, image, language style, title, taste and message. The extrinsic element of these poems is about the author's social life. There are similarities between intrinsic and extrinsic elements in the poetry texts of Mahmoud Darwish and Taufik Ismail; such as the title, diction (style of language) and both poets experienced similar events in life, especially difficulty in fighting for the truth. The difference between the intrinsic elements between the two poets is that Mahmoud Darwish does not follow the concept of traditional Arabic poetry, one of Taufiq Ismail's poem follows the concept of old Indonesian poetry. This study can provide a new path for the comparative study of Arabic literature and Indonesian literature, also can be used as a comparison material for studying other literary works using the theory of Genetic Structuralism.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iiiiv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN	x
SENARAI LAMPIRAN	xi
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	21
1.5 Soalan Kajian	21



1.6 Kepentingan Kajian	22
1.7 Batasan Kajian	23
1.8 Definisi Operasi	24
1.9 Rumusan	28

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR 29

2.1 Pengenalan	29
2.2 Konsep Puisi Arab	29
2.2.1 Rasa (Aatifah)	30
2.2.2 Imajinasi (Khayal)	31
2.2.3 Gagasan idea (fikrah)	32
2.2.4 Gaya (al-uslub)	33

2.3.1 Diksi	37
2.3.2 Pengimajian	38
2.3.3 Kata konkrit	39
2.3.4 Bahasa figuratif (Majas)	39
2.3.5 Versifikasi	42
2.3.6 Tipografi	43
2.4 Kajian-Kajian Lepas	47
2.4.1 Kajian-Kajian Tentang Mahmud Darwish	47
2.4.2 Kajian-kajian tentang Taufiq Ismail	69
2.4.3 Kajian-Kajian Tentang Strukturalisme Genetik	110
2.5 Rumusan	149

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	150
3.1 Pengenalan	151
3.2 Reka Bentuk Kajian	151
3.3 Sampel Kajian	152
3.4 Prosedur Pengumpulan Data	154
3.5 Prosedur Analisis Data	155
3.5.1 Teori Strukturalisme Genetik	155
3.5.2 Pendekatan Analisis Deskriptif	157
3.5.3 Contoh Analisis	161
3.6 Rumusan	165
BAB 4 ANALISIS DAN PERBINCANGAN	166
4.1 Pengenalan	166
4.2 Analisis Unsur Dalam dan Luar dalam Puisi Mahmud Darwish dan Taufiq Ismail	167
4.2.1 Analisis Unsur Dalam dan Luar dalam Puisi Mahmud Darwish	167
4.2.2 Analisis Unsur Dalam dan Luar dalam Puisi Taufiq Ismail	227
4.3 Perbandingan Unsur Dalam dan Luar dalam Puisi Mahmud Darwish dan Taufiq Ismail	2864
4.3.1 Persamaan Unsur Dalam dan Luar dalam Puisi Mahmud Darwish dan Taufiq Ismail	286
4.3.1.1 Persamaan unsur dalam dalam puisi Mahmud Darwish dan Taufiq Ismail	286
4.3.1.2 Persamaan Unsur Luar puisi Mahmud Darwish dan Taufiq Ismail	289
4.3.2 Perbezaan Unsur Dalam dan Luar dalam Puisi Mahmud Darwish Dan Taufiq Ismail	290

4.3.2.1 Perbezaan Unsur Dalam Dalam Puisi Mahmud Darwish dan Taufiq Ismail	290
4.3.2.2 Perbezaan Unsur Luaran Dalam Puisi Mahmud Darwish dan Taufiq Ismail	294
4.4 Rumusan	294
BAB 5 PENUTUP	297
5.1 Pengenalan	297
5.2 Rumusan Dapatan Kajian	298
5.3 Implikasi Kajian	300
5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	299
5.5 Penutup	303
BIBLIOGRAFI	303

SENARAI JADUAL

Senarai Jadual	Muka Surat
4.1 Puisi Kad Pengenalan	168
4.2 Tajuk Puisi Kad Pengenalan	187
4.3 Puisi Kepada Ibuku	194
4.4 Puisi <i>An-Insaan</i>	209

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
3.1 Pendekatan Strukturalisme Genetik	158

SENARAI SINGKATAN

ABRI	Angkatan Bersenjata Republik Indonesia
FK	Fakta Kemanusiaan
IPB	Institut Pertanian Bogor
MAJOI	Malu Aku Jadi Orang Indonesia
MD	Mahmud Darwis
MMAS	Membaca Menulis dan Apresiasi Sastra
PDP	Pandangan Dunia Pengarang
PDS	Pusat Dokumentasi Sastra
SBSB	Sasterawan Bicara Siswa Bertanya
SKS	Struktur Karya Sastera
SMA	Sekolah Menengah Atas
SMP	Sekolah Menengah Pertama
SR	Sekolah Rakyat
TI	Taufiq Ismail
TIM	Taman Ismail Marzuki

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1: Puis Mahmud Darwish dan Taufiq Ismail



BAB 1

PENDAHULUAN



Sastera adalah salah satu cabang ilmu yang sangat luas cakupannya. Kajian sastera, ianya dibahagi kepada tiga bahagian; Teori sastera. Sejarah sastera, dan kritikan sastera. Teori sastera ialah kajian tentang teori-teori yang terdapat dalam ilmu sastera. Sejarah sastera pula ada kajian tentang bagaimana sastera bermula, siapa tokoh-tokoh sastera, perkembangan sastera daripada masa ke masa, sedangkan kritikan sastera ialah satu usaha untuk menilai karya sastera sama ada daripada aspek dalaman ataupun aspek luaran. Kritikan sastera pula dapat memberikan pengaruh kepada karya sastera dan pengarang.





Menurut F.W. Bateston (dalam Rene Wellek dan Austin Warren:1988) sejarah sastra membuktikan bahawa A berasal daripada B, sedangkan kritikan sastra menyatakan A lebih baik dari pada B. Daripada pendapat ini, dapatlah diberikan pemahaman bahawa teori sastra sejarah sastra, dan kritikan sastra adalah berbeza. Walaupun ketiga-tiganya berbeza, akan tetapi ianya satu kesatuan yang membangun sastra.

Terdapat satu cabang ilmu sastra yang lain, iaitu sosiologi sastra. Sosiologi sastra adalah kajian tentang hubungan karya sastra dengan kehidupan sosial pengarang, sehingga mempengaruhi munculnya karya sastra. Suwardi Endaswara (2003: 77), mengatakan bahawa sosiologi sastra banyak diminati oleh para pengkaji sastra yang akan melihat sastra sebagai cerminan daripada kehidupan suatu kumpulan masyarakat.

Untuk mengetahui apakah karya sastra itu perkaitan dengan kehidupan sosial masyarakat atau sebaliknya memerlukan satu teori untuk kajian, iaitu teori strukturalisme genetik. Menurut Goldman (dalam Rakhmi Dwi Rahayu: 2015) Struktualisme genetik merujuk kepada karya sastra sebagai sebuah struktur. Walau bagaimanapun ia karya sastra mengalami perkembangan dan proses strukturasi dan destrukturasi dari masa ke masa.



Strukturalisme genetik sangat menarik dijadikan sebagai bahan kajian, terutamanya dalam kajian puisi. Hal ini untuk mengetahui sejauh mana karya sastera (puisi) dipengaruhi oleh nilai-nilai yang terdapat dalam masyarakat dan sejauh mana karya sastera (puisi) dapat memberikan pengaruh kepada masyarakat di sekelilingnya. Apakah ianya sebatas penghibur atau dapat pula dijadikan sebagai landasan nilai.

Daripada sudut lain puisi adalah satu karya sastera yang dapat dikaji daripada pelbagai aspek. Puisi dapat dikaji dari struktur puisi, unsur-unsur membentuk puisi, daripada aspek sejarah untuk mengetahui perkembangan puisi. Dari segi jenis, mahupun aliran puisi (A. Teeuw, 1980).

Kajian puisi menggunakan teori strukturalisme genetik adalah satu usaha untuk mengetahui sejauh mana puisi itu dipengaruhi oleh keadaan masyarakat dan puisi pun dapat memberikan pengaruh kepada masyarakat sebagai satu sistem nilai. Sejarah telah mencatat bahawa puisi dapat membangkitkan sesuatu masyarakat untuk melawan ketidakadilan yang dirasakan. Hal ini kerana puisi dijadikan sebagai pembangkit semangat perlawanan. Misalan puisi-puisi Mahmud Darwish yang menginspirasi rakyat Palestin untuk melawan penjajah Israil. Kerana hal inilah puisi dapat membentuk watak sesuatu masyarakat, adanya hubungan timbal balik antara karya sastera dan pembaca sastera.



Puisi, sebagai karya sastra dapat dijadikan sebagai alat perlawanan/ pemberontakan bagi sebahagian rakyat yang merasa dijajah oleh bangsa lain. Banyak sasterawan-sasterawan yang muncul saat mereka dijajah oleh bangsa lain. Ada pula sasterawan yang muncul saat bangsanya mengalami kejatuhan daripada pelbagai aspek, sosial, ekonomi, pendidikan, kemiskinan, dan sebagainya. Salah satu sasterawan yang menggunakan puisi sebagai alat perlawanan kepada penjajah dan menunjukkan rasa patriotisme kepada negara ialah Mahmud Darwish. Seorang sasterawan dari Palestin yang telah banyak menerima banyak penghargaan. Salah satu puisinya yang amat masyhur adalah بطاقة هوية (*Bitoqotun huwiyyah/ kartu identiti*).



Selain Mahmud Darwish di dataran timur tengah. Indonesia memiliki sasterawan negara yang banyak menulis puisi-puisi sebagai tanda patriotisme kepada negara. Iaitu Taufiq Ismail. Dalam sejarah sastra Indonesia, Taufiq Ismail adalah termasuk sasterawan angkatan '66. Salah satu puisi Taufiq Ismail yang amat masyhur ialah “Malu Aku Jadi Orang Indonesia”.

1.2 Latar Belakang Kajian

Konflik Palestin-Israel merupakan sebuah potret sakralisasi dehumanisme yang telah terjadi mulai berabad-abad tahun yang lalu. Agresi militan berkekuatan superior seringkali melanda dan menyerang rakyat dengan sangat kejam. Tembakan dan





ledakan bom menumpaskan nyawa tidak berdosa dan menghancurkan daerah-daerah suci Palestin. Pertumpahan darah terjadi di mana-mana dan banyak pembunuhan yang tidak memandang gender dan usia. Pelbagai rekonsiliasi telah dilakukan untuk kedua belah pihak, namun ianya hanya impian yang tak kunjung terwujud, dan bahkan keganasan semakin memakan korban jiwa.

Sebahagian orang mengatakan bahawa konflik itu terjadi kerana pertarungan teologis yang saling beradu argumentasi tentang manusia pilihan Tuhan dan tanah yang dianggap suci, sakral, dan dijanjikan Tuhan (The Promised Land), seperti perkataan orang tentang keyakinan kaum Yahudi atas kuil Sulaiman yang didakwa berada di bawah Masjid Al-Aqsha, sehingga ingin merebutnya daripada rakyat Palestin, atau tentang kebencian orang Arab atas entiti Yahudi di Palestin, dan sebagainya. Selain itu, tidak sedikit orang pula menyatakan bahawa konflik itu terjadi kerana perebutan wilayah dan sumber daya alam. Perebutan wilayah dalam rangka untuk menguasai dan menghegemoni rakyat serta mengeksploitasi kekayaan-kekayaan yang ada di dalamnya. Konflik ini terus berlanjut hinggalah pada masa sekarang ini, yang menyebabkan banyak korban meninggal dan rakyat Palestin kehilangan tempat tinggal. Beberapa pejuang kemerdekaan Palestin, baik dari kalangan polistisi, penyair dan rakyat biasa bahkan ditangkap kerana dianggap mengganggu keberadaan Israil di tanah yang diperebutkan. Budak-budak kecil yang tak mengenal apa pun menjadi korban penjajahan Israil.



Atas konflik berkepanjangan itu, muncul beberapa sasterawan yang menyuarakan kebebasan palestina melalui karya sastra. Mahmoud Darwish adalah sasterawan yang banyak menulis puisi tentang patriotisme Palestin. Menurut Kleden (Ignas Kleden, 2004) bahawa ada dua alasan seorang penyair menulis puisi. Pertama, kerana keinginan hati nurani untuk memunculkan kemahiran dalam membuat puisi. Kedua, penyair menulis puisi kerana menyampaikan sesuatu pesan tertentu melalui puisi. Mahmud Darwish menyampaikan penderitaan bangsa Palestin melalui gubahan syair-syair patriotism. Syair-syair Mahmud Darwish menginspirasi rakyat Palestin untuk melakukan perlawanan terhadap zionis Israil. Mahmud Darwish tidak hanya menulis puisi yang berdasarkan imaji sahaja, akan tetapi ianya menulis puisi kerana beliau merasakan langsung penderitaan yang dialami oleh rakyat Palestin.

Di Indonesia, masa orde baharu iaitu masa pemerintahan Soeharto menjadi presiden daripada tahun 1965 sampai dengan tahun 1998 telah banyak terjadi perilaku yang merugikan bangsa Indonesia sendiri. Dalam masa itu dapat terlihat dari pelbagai karya sastra, terutamanya puisi. Taufiq Ismail, adalah sasterawan negara Indonesia yang banyak mengkritik pemerintah Indonesia melalui puisinya.

Menurut Waluyo dalam Gaudensia Fitriani (2007) puisi terdiri daripada dua unsur pokok. Iaitu unsur dalaman dan unsur luaran. Unsur-unsur yang membentuk puisi tidaklah terpisah antara satu dengan yang lain. Selalu berkaitan sebagai satu kesatuan yang menunjukkan diri secara fungsional. Struktur dalaman dan luaran puisi

mempunyai hubungan yang kuat, sehingga pembaca harus memahami kedua-dua unsur itu untuk memahami sebuah puisi. Sedangkan menurut Teeew, puisi dapat dikaji dari segi struktur puisi, unsur-unsur pembangun, dan sarana-sarana kepuitisian. Dapat juga dikaji dari jenis dan ragam puisi. Kerana puisi pun ada pelbagai ragam dan bermacam. Puisi juga, dapat dikaji daripada sejarahnya daripada masa ke masa sebab puisi yang umumnya karya sastera selalu mengalami perubahan (A. Teeew, 1980).

Dalam kajian ini, akan mengkaji perkaitan tentang strukturalisme genetik puisi Mahmud Darwish dan Taufiq Ismail. Beberapa sebab sehingga kajian ini mesti dijalankan iaitu diantaranya untuk mengetahui unsur dalaman dan unsur luaran daripada puisi Mahmud Darwish disamping persamaan serta perbezaan puisi Mahmud Darwish dengan Taufiq Ismail.

1.3 Pernyataan Masalah

Puisi adalah karya sastera yang memiliki nilai estetik, sama ada dari segi struktur bahasa mahupun aspek lain dari puisi umpamanya pesan yang disampaikan oleh pengarang dalam bentuk puisi sangatlah menarik untuk dijadikan sebagai nilai tertentu dalam kehidupan masyarakat.



Kelahiran suatu karya sastra, terutamanya puisi tidak terlepas daripada masyarakat disekitar yang memberikan pengaruh kepada terbentuknya puisi. Terdapat pelbagai macam aliran puisi. Antaranya aliran realisme, romantisme, patriotism dan sebagainya. Maka, apakah yang menyebabkan puisi itu lahir daripada seorang pengarang biasa ada sebab tertentu.

Puisi Mahmud Darwish dan Puisi Taufiq Ismail banyak sekali yang menggambarkan tentang patriotisme. Namun, apakah sebab daripada lahirnya puisi-puisi tersebut? Kepribadian seorang pengarang banyak dipengaruhi oleh keadaan sosial di sekitarnya, sehingga dapat melahirkan karya sastra, antaranya teori yang digunakan dalam kajian puisi seperti teori strukturalisme genetik. Kajian ini adalah satu kajian sosiologi sastra, sebagaimana menurut Atar Semi (1989: 52) sosiologi sastra adalah analisis objektis tentang manusia sebagai kelompok masyarakat juga perilaku sosial yang berlaku. Dalam kajian sosiologi ianya mengkaji bagaimana kelompok masyarakat hidup dengan sesamanya. Dengan mempelajari segala permasalahan tentang ekonomi, keagamaan, politik dan lain-lain. Sastra dengan sosiologi diciptakan oleh kelompok masyarakat untuk dipahami, dinikmati, dan dimanfaatkan oleh masyarakat. Sedangkan menurut Wellek dan Warren (1956) sosiologi sastra adalah kajian tentang sosiologi sastra yang mempunyai tiga bahagian. Iaitu sosiologi pengarang, sosiologi karya sastra, dan sosiologi sastra.





Dalam kajian ini, menggunakan salah satu teori sosiologi sastra iaitu strukturalisme genetik. Menurut Nyoman Kutha Ratna strukturalisme genetik merupakan suatu kajian tentang asal usul karya sastra. Iaitu memberikan perhatian kepada analisis dalaman dan unsur luaran karya sastra. Dalam teori ini iaitu mengkaji unsur yang menyebabkan karya sastra itu lahir. Hubungan dengan keadaan sosial, politik, ekonomi, keagamaan pada saat karya sastra itu diciptakan (Nyoman Kutha Ratna, 2009).

Mahmud Darwish lahir pada tahun 1941 di kampung yang bernama Birwa, terletak di sebelah barat Palestin. Pada masa umur tujuh tahun, beliau dan keluarganya melarikan diri ke Libanon kerana Yahudi Israel tahun 1948 menghancurkan kampung mereka. Selain kampung Birwa, tempat tinggal Mahmud Darwish dan keluarga, kampung lain juga yang berada di Palestin dihancurkan oleh Israel (Gasil Abdul Al-Razzaq, 2013). Mahmud Darwish pernah dipenjara pada tahun 1961, kemudian antara tahun 1965-1967, lalu yang terakhir pada tahun 1969 (Aliy Maula).

Mahmoud Darwish mulai menulis puisinya saat ia masih sekolah. Koleksi puisi pertamanya diterbitkan pada tahun 1960 ketika ia masih berumur 19 tahun. Kemudian koleksi keduanya, *Awraq al-Zaytun* (1964), Ia mendapatkan reputasi menjadi salah satu pelopor puisi-puisi perlawanan. Tujuan utama dari tema-tema puisinya adalah demi nasib tanah airnya. Hal ini kerana konflik panjang perang Arab-Israel.



Periode awal kumpulan puisinya adalah *Leaves of the Olive Tree* (1964), dan *A Lover from Palestine* (1966). Setelah invasi Israel ke Beirut Ia pun menulis prosa *Memory for Forgetfulness* (1982) sebuah memoar yang mengisahkan invasi Israel ke Beirut dan *In Praise of the High Shadow* (1983). Pada tahun 1990-n, Ia terkenal dengan tulisan *I See What I Want* (1990), *Why Did you Leave the Horse Alone?* (1995), *The Bed of A Stranger* (1996), and *Mural* (1999). Selanjutnya pada tahun 2000 Ia menulis *A State of Siege* (2002), dan tulisan terakhirnya termasuk *Like Almond Blossoms or Farther Away* (2006), *Journal of An Ordinary Sorrow* (2007), dan *The Butterfly Effect* (2008).

Selain itu, pada 1982, Ia menulis *لست وحدك* (engkau tidak sendirian) untuk Yasser Arafat, ketika bangsa Palestin diusir dari Beirut. Darwish mengatakan itu kepada setiap orang di muka Bumi, kepada setiap orang yang diusir ke pengasingan untuk kesekian kalinya. Darwish, berarti sebuah nama yang dalam bahasa Arab berarti seorang laki-laki suci pengelana spiritual. Ia berpindah dari perbatasan demi perbatasan antara Palestin, Israel, Rusia, Prancis, Yordania, Lebanon, Mesir, dan negara- negara lain.

Seperti yang terlihat dalam bahasa dan puisinya, Darwish memiliki sebuah visi dan semangat untuk meraih keadilan. Ia menulis sambutan terkenal Arafat kepada Sidang



Majelis Umum Perserikatan Bangsa-Bangsa pada 1974, yang di dalamnya Arafat memohon kepada dunia dengan mengulang tiga kali, لا تسقطوا الغصن الأخضر من يدي (jangan biarkan tunas hijau ini jatuh dari tangan saya).

Darwish menerima beberapa penghargaan selama pengabdianya menjadi penyair. Pada tahun 1969 Darwish mendapatkan penghargaan *Lotus Prize* dari perserikatan penulis Afro-Asian, dan *The Lenin Peace Prize* untuk kategori *Cultural Freedom*, penghargaan tersebut mengikrarkan orang-orang yang luar biasa dan berani menyerukan hak asasi manusia untuk bebas berimajenasi, berkarya dan berekspresi. Sebagaimana yang telah diistilahkan oleh penggagasnya, kebebasan berbudaya adalah hak setiap orang dan komunitas untuk mendefinisikan dan menjaga nilai-nilai dan perbedaan cara hidup yang saat ini terancam oleh globalisasi. Pada tahun 1997, ia kembali mendapatkan penghargaan *France's knighthood of Arts and Belles Letters* pada tahun 1997, dan *The Lannan Foundation Prize for Cultural Freedom* pada tahun 2001.

Darwish sempat menjalani kehidupan yang berpindah-pindah. Ia tinggal di Lebanon, Tunisia, Yordania, dan Perancis. Pada tahun 1996, setelah 26 tahun dalam pengasingan, Darwish kembali ke Palestin dan mengunjungi lagi desa tempat kelahirannya. Sejak pertengahan 1990, rumahnya terdahulu di Ramallah merupakan markas besar Yasser Arafat, dan terjadi lagi pertempuran pada 2002, ketika itu



ditempati oleh pasukan bersenjata Israel. Darwish meninggal pada tanggal 9 Agustus 2008 di Memorial Hermann Hospital di Houston, Texas, setelah menjalani operasi pembedahan hati. Darwish menikah dua kali dan tidak mempunyai anak (Sepriyanti Handayani, 2009).

Taufiq Ismail lahir pada 25 Juni 1935 di Bukittinggi, Sumatera Barat, dan besar di Pekalongan, hidup dalam keluarga guru dan wartawan yang gemar membaca. Menempuh pendidikan Sekolah Rakyat di Solo, Semarang, Salatiga, dan Yogyakarta. Tamat SR (Sekolah Rakyat) Muhammadiyah Ngupasan, Yogyakarta (1948). Kemudian melanjutkan sekolah di SMP (Sekolah Menengah Pertama) I Bukittinggi tamat di tahun 1952. SMA (Sekolah Menengah Pertama) ditempuh di Bogor, Pekalongan, dan Milwaukee Amerika Serikat. Tamat SMA Negeri Pekalongan (1956), dan Whitefish Bay High School, Milwaukee Amerika Serikat (1957).

Taufiq Ismail bercita-cita jadi sasterawan sejak masa SMA. Buku-buku yang ditulis dan diedit sebanyak 25 tajuk sejak 1966 sehingga 2012. Karya puisi sasterawan Indonesia ini, sejak awal masa belajar di universiti penuh keterlibatan dengan masalah sosial, politik, dan kemasyarakatan (kumpulan puisi *Tirani & Benteng*, 1966), terus berlanjut tiga dekad kemudian dalam buku *Malu (Aku) Jadi Orang Indonesia* (1998). Sementara itu, beliau banyak menulis renungan peristiwa sejarah dengan tokoh-tokoh, kesan perjalanan, kehidupan rohani, dan pendidikan sastera.

Pada tingkat pendidikan tinggi, Taufiq Ismail tamat dari Fakultas Kedokteran Hewan dan Peternakan, Universitas Indonesia, Bogor (1963). Sasterawan ini adalah dokter hewan dan ahli peternakan (Institut Pertanian Bogor, 1963), sasterawan tamu di Universitas Iowa, Amerika Serikat (1971 dan 1991), dan pernah belajar bahasa Arab di Universitas Amerika di Kairo, 1990. Salah seorang pengasas dan redaktur majalah sastera *Horison*, satu-satunya majalah sastera di Indonesia, yang sudah berusia 50 tahun. Mewakili Indonesia membaca puisi di festival sastera di 24 kota Asia, Eropa, Amerika, dan Afrika sejak tahun 1970.

Dalam karirnya sebagai penyair, Taufiq Ismail memperoleh sejumlah penghargaan dari pemerintah dan lembaga-lembaga seni budaya tingkat regional maupun internasional, antaranya iaitu Anugerah Seni dari Pemerintah RI (1970), *Cultural Visit Award* dari Pemerintah Australia (1977), *South East Asia Write Award* (*SEA Write Award*) dari Kerajaan Thailand (1994), Penulisan Karya Sastera Terbaik dari Pusat Bahasa Departemen Pendidikan dan Kebudayaan (1994), Sasterawan Nusantara dari Negeri Johor, Malaysia (1999), Doktor Honoris Causa dari Universitas Negeri Yogyakarta (2003), Penghargaan Akademi Jakarta (2010). Penghargaan terakhir iaitu Penghargaan Akademi Jakarta yang diperoleh Taufiq Ismail pada tahun 2010 merupakan penghargaan yang diberikan kepada seorang seniman atau budayawan yang telah menunjukkan prestasi gemilang dalam perjalanan karirnya. Penghargaan ini adalah penghormatan yang tidak ternilai atas pengabdian, pengorbanan, prestasi, serta perjuangan kepada orang yang pantas mendapatkannya.

Dalam buku Penghargaan Akademi Jakarta 2010 ini juga dijelaskan peta persoalan sastra, ada 35 butir masalah. Misalnya tentang masyarakat itu merosot, minat tentang karya sastra dan jumlah sastrawan amat sedikit dibandingkan dengan penduduk yang berjumlah 200 juta lebih. Bandingkan dengan negara lain, sedikit sekali seharusnya jumlah sastrawan itu jumlahnya 10 kali lebih besar.

Kemudian disebutkan juga bagaimana sastra tidak diajarkan di sekolah dan masalah sastra, gerakan membawa sastra ke sekolah, itu ada 9 kegiatan. Di majalah sastra horison bagian akhir, ada namanya kaki langit. Kaki langit ini khusus untuk menerbitkan karya-karya anak sekolah (SMP, SMA, dan kadang-kadang mahasiswa).

Di muka surat depan majalah itu berisi sastrawan semua, yang sudah senior dan berpengalaman. Anak jika baca majalah ini merasa asing, kalau ada kaki langit mereka akan senang karena ada karya-karya anak seusianya dan merasa bahawa itu ruangan mereka. Demikianlah cara dari Taufiq Ismail dan rakan-rakannya menumbuhkan bibit-bibit sastrawan yang ada di sekolah.

Selanjutnya ada pendidikan dan pelatihan MMAS (membaca, menulis, dan apresiasi sastra) pesertanya iaitu guru-guru dan pelatihannya 6 hari. Mereka diberitahu sebagaimana mestinya untuk mengajarkan kecintaan membaca kepada murid-murid. Sejak tahun 1999, telah diikuti 2000 guru yang dilakukan seluruh Indonesia. Seharusnya kementerian Pendidikan dan Kebudayaan yang melakukan itu semua. Namun yang melakukan ini adalah para sastrawan yang merasa risau akan



pendidikan sastra di sekolah. Tapi sudah berhenti protes-protes, dulu kami bermusuhan dengan birokrat-birokrat itu kerana mereka itu tidak peduli dengan masalah ini (pendidikan sastra).

Kemudian ada SBSB (sasterawan bicara, siswa bertanya), para sasterawan datang ke sekolah-sekolah di berbagai Kota. Misalan W.S Rendra, Abdul Hadi, Ahmad Tohari dan lain-lain, dibawa beberapa orang ke sekolah dan membacakan karya sastra di depan student. Bila sudah selesai dipertunjukkan di hadapan student, begitu senangnya mereka. Semua itu sudah dilakukan di 213 SMA, yang mendukung 113 sasterawan, 11 artis dan tentu saja kerjasama dengan pemerintah. Tapi Taufiq Ismail dan sasterawan lain harapkan seharusnya pemerintah yang punya inisiatif. Biaya yang diperlukan dalam kegiatan ini amat besar, dari 100 lebih sasterawan itu pergi ke 164 Kota, tiket pesawat terbang, tiket kereta api, dan sebagainya. Semua biaya itu didapat dari ahli waris produksi mobil terkenal seluruh dunia yaitu Hendri Ford. Hendri Ford punya sebuah yayasan, dan yayasan itu bergerak menolomg biaya pendidikan dan kebudayaan di Amerika.

Dari semua yang dilakukan tadi, berdirilah beberapa sanggar sastra seluruh Indonesia. Taufiq Ismail dan kawan-kawan saterawan latih lagi guru untuk memimpin itu dan mereka harus juga disediakan bahan di sanggar itu. Bahan untuk sanggar tentu saja buku bacaan, buku sastra, di sanggar-sanggar itu harus ada buku sastra. Kemudian Taufiq Ismail mencari buku bacaan dan dibantu biaya dari Ford





Foundation, 20 judul sastra. Karya-karya sastra ini banyak sekali, cerita- cerita pendek tersebar di beberapa buku, novel juga, puisi juga. Alangkah baiknya semua itu dikumpulkan menjadi satu antologi, kemudian Taufiq Ismail membuat 8 antologi. Sebut saja antologi cerpen, antologi puisi, dan antologi lain-lain.

Antologi itu dicetak sebanyak 37.000 exemplar dikirim gratis ke 4.500 perpustakaan SMA. Untuk mencetak ini biayanya masih berasal dari Ford Foundation, karena jangka waktu dananya sampai 5 tahun. Itu semua Taufiq Ismail dan sastrawan lainnya yang kirim dan cetak kemudian meminta data sekolah dari kementerian Pendidikan dan Kebudayaan. Semua itu dikirim oleh sastrawan, bukan dikirim oleh pemerintah agar cepat sampai ke tujuan. Sesudah itu ada Lokakarya, pengembangan apresiasi sastra daerah. Dalam bahasa daerah Indonesia punya banyak sekali bahasa daerah. Dalam bahasa daerah itu pasti ada karya sastra. Semua itu patut untuk kita kembangkan, sastra Jawa, Sunda, Minang. Sejak tahun 2002, dan itulah 9 kegiatan gerakan membawa sastra ke sekolah. Itulah perjuangan Taufiq Ismail dan sastrawan lainnya untuk membangun generasi suka membaca dan cinta sastra. Istri Taufiq Ismail bertanya sepuluh tahun yang lalu, kalau sudah meninggal buku-buku saya mau dikemanakan? Taufiq Ismail bilang untuk mewakafkan saja ke PDS (Pusat Dokumentasi Sastra) H.B Yasin yang ada di TIM (Taman Ismail Marzuki). Ati istri Taufiq Ismail marah, akses untuk buku di Jakarta ini mudah sekali, perpustakaan banyak sekali di sini. Seharusnya buat perpustakaan di kampung, ingatlah itu anak-anak di kampung.



Tertusuk perasaan Taufiq Ismail, beliau berasal dari keluarga petani di Pandai Sikek, Pandai Sikek itu tempatnya antara Bukittinggi dan Padang Panjang. Mereka bertanam berbagai macam sayuran. Kemudian buku- buku karya Taufiq Ismail tersebut dipindahka untuk dimanfaatkan anak-anak di antara Gunung Marapi dan Singgalang. Buku-buku Taufiq Ismail simpan rapih di Rumah Puisi Bukittinggi, Sumatera Barat sebagai sarana untuk mempelajari sastra.

Sebagai seorang penyair, Taufiq Ismail mempunyai karya sastra, antaranya ialah *Tirani 1966, Benteng 1966, puisi-puisi sepi 1971, Kota, Pelabuhan, Ladang, angin dan Langit 1971, Buku Tamu Musim Perjuangan 1972, Sajak Ladang Jagung 1974, Kenalkan Saya Hewan 1976, Puisi-Puisi Langit 1990, Tirani dan Benteng 1993, Prahara Budaya 1995, Ketika Kata Ketika Warna 1995, Seulaweh: Antologi Sastra Aceh 1995, Malu (Aku) Jadi Orang Indonesia 1998, Dari Fansuri ke Handayani 2001.*

Telah ramai sarjana dan kritikus sastra yang membincangkan ketokohan Taufiq Ismail sebagai sasterawan terkemuka Indonesia. Dalam kulit buku *Mengakar ke bumi menggapai ke langit 1: himpunan puisi 1953-2008*, A. Teeuw, pengkritik sastra ternama dari Belanda, memuji, “Suara Taufiq Ismail sangat nyaring di tengah-tengah paduan suara *polifonis* persajakan Indonesia dewasa ini”

Di kulit buku yang sama, Sapardi Djoko Damono memuji,

Taufiq Ismail adalah orang yang tidak sabar menghadapi pelbagai masalah – dengan kata lain, dengan muda orang terlibat secara emosional dalam menghadapi masalah. Namun dalam puisi ia ternyata mampu meredam kelemahan puisi berkata penguasaan bahasanya yang unggul. Nilai itulah yang menempatkannya sebagai salah seorang penyair terkemuka kita.

Adapun Iwan Simatupang dalam salah satu surat kesaksiannya atas peristiwa sejarah Indonesia dari 2 Januari 1965 – Mei 1966, menulis testimoni tentang Taufiq Ismail pada tarikh 27 Mac 1966:

“Aku sangat bangga pada Taufiq ini!

Dari dulu, aku sangat mengagumi “anak Pekalongan” ini.

Intensiti puisinya sungguh sangat mengagumkan.

Tanggapan artistiknya sangat peka dan liris.

Kukira, sesudah Asrul Sani, penyair kita yang mempunyai lirik

Yang demikian halus dan anggunnya, adalah Taufiq Ismail”

(Simatupang, 2013: 236).

Pujian lainnya daripada para tokoh dalam bidang kesusasteraan Indonesia sangat banyak jumlahnya. Taufiq Ismail juga mendapat berbagai-bagai penghargaan dalam bidang sastra, seni dan budaya, dari dalam dan luar negara, iaitu Anugerah Seni dari Pemerintah Republik Indonesia (1970), *Cultural Visit Award* Pemerintah Australia (1977), *South East Asia Write Award* dari Kerajaan Thailand (1994), Penulisan Karya Sastra dari Pusat Bahasa Depdikbud RI (1994), Sasterawan Nusantara dari Negeri Johor, Malaysia (1999), Penghargaan dari Presiden Megawati

Soekarnoputri untuk dedikasi dan aktiviti antinarkoba (2003), Pedati Award dari Pemerintah Kota Bukittinggi, Sumatera Barat (2007), Habibie Award untuk prestasi sastra dari *The Habibie Centre* (2007) serta Penghargaan dan Apresiasi dari Kementerian Pendidikan Tinggi Mesir, dengan menerbitkan kumpulan puisinya dalam bahasa Arab (2013).

Keistimewaan Taufiq Ismail lainnya, ternyata Taufiq Ismail adalah sasterawan penyeru tauhid, atau dalam istilah bahasa jelasnya adalah sasterawan yang juga pendakwah. Hal itu seperti yang disampaikan Suminto A. Sayuti:

Bagi Taufiq, standar pokok dalam estetika kesenian, juga dalam kesusasteraan adalah “mengingatnkan para pembacanya kepada Sang Pencipta”. Dengan demikian, dalam ekspresinya karya tersebut mampu membuat seseorang untuk ingat tiada putus-putusnya kepada Allah SWT, bahawa Dia itu Satu, Tidak berbilang. Esa sebenar-benar Esa. Dia ada, sebelum kata ada itu ada, dan akan tetap ada sesudah kata ada itu tiada (Sayuti, 2005: 25).

Para pengkritik sering membincangkan bahawa Taufiq Ismail banyak menyorot masalah sosial, politik dan sejarah dalam sajak-sajaknya. Sebenarnya, masalah-masalah ke-Islaman atau ajaran Islam pun tidak luput dari jalinan indah puisinya. Taufiq mampu mendekatkan puisi-puisi keagamaannya ke relung hati masyarakat dengan kemasan bahasanya yang *lugas* tetapi indah dan enak untuk

dinyanyikan. Puluhan puisi Taufiq pun telah dinyanyikan oleh pemuzik terkemuka Indonesia seperti Bimbo bersaudara, Chrisye, Pongky Manulang, Hadad Alwi dan Debby Nasution. Yang paling banyak dinyanyikan adalah melalui Bimbo bersaudara.

Oleh sebab itu, mungkin antara penyair Indonesia, Taufiq Ismail-lah penyair yang bait-bait puisinya paling akrab dengan masyarakat Indonesia. Misalnya puisi-puisi bertajuk “Rindu Rasul”, “Sajadah panjang”, “Ada anak bertanya pada bapanya”, “Aisyah adinda kita”, “Gerbang keampunan” dan “Jangan ditunda-tunda”.

Puisi-puisi itu tersaji dengan citraan yang kental melalui ajaran Al-Quran dan Hadis. Dan masyarakat luas sangat menikmatinya, kerana sajiannya yang cantik dan artistik, serta dinyanyikan oleh Bimbo bersaudara dengan sangat elegan. Sajak-sajak itu tampak bersahaja, tetapi hidup dan menggetarkan. Maka harapan Muhammad Qutb akan hadirnya seorang Muslim juga seniman yang memiliki dua unsur; ke-Islaman dan keindahan menyatu dalam satu waktu, boleh dikatakan terpenuhi dalam diri Taufiq Ismail.

Daripada kedua sasterawan negara tersebut, maka perlu dikaji puisi-puisi Mahmud Darwish dan Taufiq Ismail daripada aspek sosiologi sastera. Selain itu kajian ini turut membincangkan patriotisme negara masing-masing. Taufiq Ismail pun

pernah menulis puisi untuk Palestin dalam bukunya “Malu Aku Jadi orang Indonesia” dengan tajuk “*Palestin, Bagaimana Bisa Aku Melupakanmu*” (Joko Lelono, 2018).

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

- 1.4.1 Mengenal pasti unsur dalaman dan luaran dalam puisi Mahmud Darwish dan Taufiq Ismail?
- 1.4.2 Membincangkan persamaan unsur dalaman dan esktrinisk dalam puisi Mahmud Darwish dan Taufiq Ismail?
- 1.4.3 Menganalisis perbezaan unsur dalaman dan ekstrinisk antara puisi Mahmud Darwish dan Taufiq Ismail?

1.5 Soalan Kajian

Pada kajian ini ingin menjawab beberapa persoalan kajian yang berkaitan dengan strukturalisme genetik puisi Mahmud Darwish dan Taufiq Ismail. Persoalan-persoalan kajian ini antara lain adalah:

- 1.5.1 Apakah unsur dalaman dan luaran dalam puisi Mahmud Darwish dan Taufiq Ismail?

- 1.5.2 Apakah persamaan unsur dalaman dan esktrinisk dalam puisi Mahmud Darwish dan Taufiq Ismail?
- 1.5.3 Apakah perbezaan unsur dalaman dan ekstrinisk antara puisi Mahmud Darwish dan Taufiq Ismail?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan memandangkan beberapa kepentingan kajian akan didapati hasil daripada penemuan diantaranya; Kepentingan kajian kepada kajian sastera, semoga dengan adanya kajian ini yang mengkaji tentang puisi dapat memberikan pengetahuan yang baharu dalam mengkaji puisi melalui aspek strukturalisme genetik serta meningkatkan kefahaman pelajar-pelajar lain tentang puisi.

Kepentingan kajian kepada pihak universiti, kajian ini sebagai penerus kepada kajian sastera Arab terutama yang perkaitan kajian budaya guna melengkapi kajian-kajian lepas yang belum sempurna dalam rangka membantu pihak universiti meningkatkan kualiti kajian, utamanya dalam bidang sastera Arab. Sehingga, banyaklah referensi yang dapat digunakan oleh para pengkaji pada masa yang akan datang.

Kepentingan kajian kepada pengkaji dan pembaca, kajian ini dapat menambah pengetahuan tentang kajian sastera bandingan antara sastera Arab dan Sastera Indonesia. Kajian ini juga turut menambah referensi bagi pengkaji yang akan datang utamanya kajian yang berkaitan dengan Mahmud Darwish dan Taufiq Ismail.

1.7 Batasan Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, supaya lebih terfokus kepada tajuk yang pengkaji pilih sebagai bahan kajian. Pengkaji memilih puisi Mahmud Darwish dan Taufiq Ismail, sebab puisi-puisi mereka dapat mewakili keadaan yang sebenar melalui puisi mereka. Kajian ini terhad kepada puisi-puisi Mahmud Darwish dan Taufiq Ismail dengan tema yang sama. Iaitu tema patriotisme, tanpa mengkaji puisi-puisi Mahmud Darwish dan Taufiq Ismail dengan tema yang lain.

Kajian ini terbatas pada dua orang sasterawan sahaja, iaitu sasterawan Mahmud Darwish dan Taufiq Ismail. Kajian ini hanya mengambil masing-masing tiga puisi dari Mahmud Darwish dan Taufiq Ismail sebagai bahan kajian, iaitu dengan tema Patriotisme.

1.8 Definisi Operasi

1.8.1 Strukturalisme Genetik

Strukturalisme genetik adalah cabang penyelidikan sastera tulen. Ini adalah satu bentuk gabungan antara kaedah penyelidikan struktur dan sebelumnya. Pada mulanya, asas struktur genetik ialah Taine. Pandangannya kemudian dikembangkan melalui kajian sosiologi kesusasteraan. Baginya, karya sastera bukanlah sekadar fakta imajinatif dan peribadi, tetapi boleh menjadi refleksi atau rakaman budaya, manifestasi pemikiran tertentu pada masa itu dilahirkan. Dari pandangan ini, Goldman adalah satu-satunya tokoh untuk membangunkan struktur genetik (Suwardi Endaswara, 2003).

Penyelidikan struktur genetik awalnya dibangun di Perancis dengan perkhidmatan Lucian Goldman. Dalam analisis novel, Goldman sentiasa mengemukakan latar belakang sejarah. Kerja-kerja sastera selain mempunyai unsur-unsur intrinsik juga tidak boleh dipisahkan daripada unsur luaran. Teks sastera pada masa yang sama mewakili realiti sejarah yang membuktikan kemunculan karya sastera. Menurut Goldman, strukturalisme genetik mempunyai dua langkah utama. *Pertama*, hubungan antara makna dan unsur-unsur lain dalam karya sastera yang



sama. *Kedua*, hubungan membentuk rangkaian yang saling mengikat. Oleh itu, penulis tidak mungkin mempunyai pandangannya sendiri.

Penyelidikan ke dalam strukturalisme genetik, melihat karya sastera dari dua sudut iaitu intrinsik dan luaran. Kajian ini bermula dengan kajian intrinsik sebagai data asas. Tambahan pula, penyelidikan juga menghubungkan pelbagai keadaan masyarakat. Karya merupakan refleksi zaman yang mengandungi keadaan sosial, budaya, politik ekonomi dan sebagainya. Keadaan yang berlaku turut memberikan pengaruh terhadap unsur dalaman karya sastera.

Menurut Helaludin (2017) strukturalisme genetik merupakan pecahan dari sosiologi sastera. Teori ini merupakan analisis tidak murni. Teori ini muncul disebabkan kerana teori strukturalisme murni yang hanya menitik beratkan pada sudut dalaman karya sastera dan tidak memandangkan daripada aspek lain. Adanya teori strukturalisme genetik, dinilai akan lebih adil dalam menganalisis karya sastera. Strukturalisme genetik berusaha menggabungkan antara unsur-unsur dalaman karya sastera dengan unsur-unsur luaran karya sastera. Teori ini muncul untuk menambahbaik dari teori strukturalisme murni dengan unsur genetik sebagai tambahan untuk memahami karya sastera. Pada mulanya teori ini digunakan oleh Taine, yang kemudian dikembangkan oleh Goldman. Ada beberapa unsur penyokong dalam teori ini menurut Goldman, iaitu fakta kemanusiaan, konsep subyektif kolektif, dan pandangan dunia pengarang. Berdasarkan penjelasan tersebut strukturalisme



genetik merupakan permulaan dari penelitian sastra dari segi sosial atau sosiologi sastra.

1.8.2 Puisi

Setakat sekarang, belum ada yang dapat memberikan erti dari puisi dengan jelas apa itu puisi. Namun, secara intuitif orang dapat mengetahui bahawa itu adalah puisi, dengan memperhatikan dari bentuk kata-kata dan unsur yang membangun puisi. Dilihat dari sejarahnya, puisi selalunya mengalami perkembangan dari masa ke masa, sama ada dari pengertian tentang puisi, genre puisi, mahupun aliran puisi yang selalunya berkembang.

Beberapa pakar telah memberikan definisi tentang puisi. Antaranya para pakar yang memberikan pengertian tentang puisi iaitu yang disampaikan oleh Altenberd 1970 (dalam Rachmat DjokoPradopo, 1999) puisi adalah pendramaan pengalaman yang bersifat penafsiran dalam bahasa berirama. Sementara itu, Shahnnon Ahmad 1978 (Dalam Rachmad Djoko Pradopo, 1999) memberikan makna tentang puisi pada amnya disampaikan oleh penyair romantik yang berasal Inggris. Samuel Taylor Coleridge bahawa puisi itu adalah kata yang indah dalam susunan terindah. Penyair memilih kata-kata yang setepatnya dan disusun secara sempurna. Berkata Carlyle, puisi ialah pemikiran yang sifatnya musikal. Penyair dalam menulis puisi selalunya memperhatikan bunyi yang merdu, kata-kata disusun dengan indah sehingga



terdengar seperti bunyi muzik. Sarjana lain yang memberikan definisi tentang puisi iaitu Wordsworth (Rachmad Djoko Pradopo, 1999) bahawa puisi iaitu mengungkapkan perasaan imajinatif, perasaan yang diangankan. Berbeza dengan beberapa sarjana yang telah memberikan definisi tentang puisi, Dunton berpendapat bahawa puisi iaitu perasaan manusia yang kongkrit dan memiliki nilai artistik dalam bahasa yang sangat sederhana dan dan berirama.

Setelah kita mengetengahkan beberapa definisi tentang puisi secara general dari sarjana barat, beberapa sarjana dari timur tengah (*middle east*) telah memberikan beberapa definisi tentang puisi Arab. Sarjana-sarjana Arab, antaranya iaitu Ahmad Asy-Syayib memberikan makna tentang puisi Arab (dalam Sukron Kamil, 2009) iaitu tulisan ucapan yang mempunyai *bahr* dan *wazn* (kesanaan huruf akhir) juga *qafiyah* (akhir baris yang sama) serta daripada prosa imajinasi dan rasa harus lebih dominan. Definisi yang diketengahkan oleh Asy-Syayib ini belum menyeluruh, kerana perkembangan puisi Arab model nada pula yang tidak menuntut adanya *wazn* atau *bahr*, dikenal dengan istilah puisi *alhurr* (puisi bebas). Muhammad Al-Kuttani memberikan definisi tentang puisi Arab iaitu keindahan ekspresi bahasa yang muncul dari keadaan batin yang benar (Sukron Kamil, 2009).

1.8.3 Dalaman



Sesuatu karya sastra tidak terlepas daripada apa yang membangun karya sastra tersebut. Unsur yang membangun karya sastra dari dalam iaitu disebut unsur dalaman. Beberapa unsur dalaman puisi iaitu gaya bahasa, sudut pandang, tema, amanat, latar, penokohan dan amanat.

1.8.4 Luaran

Unsur yang tidak kalah penting dalam membangun karya sastra iaitu unsur luaran. Unsur luaran iaitu aspek yang turut memberikan pengaruh kepada sesuatu karya sastra daripada luaran teks karya sastra itu sendiri atau biasa juga disebut sebab apa sesuatu karya sastra itu lahir. Unsur-unsur luaran yang ada dalam puisi antaranya latar belakang karya sastra, latar belakang penulis, dan kondisi sosial dan budaya,

1.9 Rumusan

Bab ini amnya adalah menjelaskan berkaitan dengan mengenal pasti masalah dan latar belakang masalah yang dikaji. Bab ini juga menjelaskan objektif kajian yang akan dicapai pada akhir kajian yang dijalankan. Selanjutnya, turut juga dijelaskan tentang kepentingan kajian serta batasan kajian yang dijalankan. Definisi operasi juga dijelaskan dalam bab ini.